



# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**SELASA / 12 FEBRUARI 2019**

**1. NEGATIF RABIES**

- **HARIAN METRO**

**DISEDIAKAN OLEH :**  
**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
**(MADA)**

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 FEBRUARI 2019

PERKARA : PETERNAKAN

# Negatif rabies

■ Veterinar sahkan bangkai anjing gigit budak lima tahun bebas penyakit anjing gila

Zahratulhayat Mat Arif  
am@hmetro.com.my

**Ipoh**

**S**ampel tisu daripada bangkai anjing yang menggigit seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun di Kampung Air Kuning, Taiping minggu lalu, didapati negatif penyakit anjing gila atau rabies.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, berikutan itu pihaknya akan menasihati Jabatan Kesihatan Perak supaya tidak memberi vaksin rabies kepada kanak-kanak berkenaan.

“Kami menyarankan agar Jabatan Kesihatan negeri hanya merawat luka akibat gigitan anjing itu saja,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Pada Khamis lalu, Muhammad Raqib Rayyan Mohammad Nazri, 5, dilaporkan diserang anjing jirannya secara tiba-tiba ke-



“

**Sebanyak 677 anjing dan lapan kucing di daerah berkenaan sudah dilupuskan sejak 14 Januari lalu”**

**Dr Quaza**

tika bermain bersama rakannya kira-kira jam 1.30 tengah hari.

Mangsa mengalami kecederaan pada betis kanan akibat digigit anjing berkenaan, sebelum haiwan itu diserahkan oleh pemiliknya kepada Jabatan Per-

khidmatan Veterinar dan pihak berkuasa berkaitan untuk dilupuskan.

Dr Quaza Nizamuddin juga berkata, sehingga kini sebanyak 4,444 anjing sudah diberi vaksin rabies di daerah Larut Matang Selama (LMS) yang diisytiharkan sebagai kawasan wabak rabies pada 14 Januari lalu.

“Sebanyak 677 anjing dan lapan kucing di daerah berkenaan sudah dilupuskan sejak 14 Januari lalu, selain turut merekodkan 71 kes digigit anjing sehingga hari ini.

“Daripada 112 sampel yang diambil dari otak anjing, hanya empat anjing saja yang disahkan positif rabies dan tiada kes baru rabies dilaporkan setakat ini,” katanya.

Pada 14 Januari lalu, kawasan Taiping dan Bukit Gantang diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies selepas dua orang di Taman Sri Kota fasa 2 Taiping digigit anjing peliharaan mereka secara tiba-tiba.